

Program 'Utamakan Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang' dilancarkan

KUALA LUMPUR 31 Julai
- Program 'Utamakan Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang' anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dilancarkan hari ini bertujuan melahirkan bangsa Malaysia yang berperibadi mulia serta memiliki nilai-nilai murni yang kukuh.

Selain itu, ia turut bermatlamat melahirkan institusi keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu, berdaya tahan, beriman dan harmoni.

Program yang diadakan sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2002 itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood serta anggota Jemaah Menteri.

Ke arah kejayaan program itu, sebanyak 10 prinsip akan diberi penekanan demi mewujudkan institusi kekeluargaan yang harmoni dan bahagia melalui pendekatan menyeluruh

dengan memberi perhatian kepada aspek psikososial, kerohanian dan kesihatan.

Prinsip-prinsip tersebut ialah kasih sayang, ceria bersama keluarga, komunikasi efektif, nilai kekeluargaan, keibubapaan cemerlang, imbangi kerjaya dan keluarga, keselamatan dan kesihatan, ekonomi keluarga, pendidikan dan kemahiran serta dasar mesra keluarga.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil ketika berucap pada majlis pelancaran tersebut berkata, program itu diadakan kerana menyedari hakikat bahawa kesejahteraan adalah bermula dari rumah.

Tambahan pula menurut beliau, keluarga merupakan unit asas yang penting ke arah pembentukan masyarakat yang maju dan berjaya.

Katanya, sepanjang program itu dijalankan, tiga aktiviti utama telah dirancang iaitu latihan dan pendidikan mengenai pembangunan serta pengukuhan keluarga yang akan dilaksanakan sehingga peringkat akar umbi.

Di samping itu, kempen kesedaran melalui medium hebahen seperti poskad, pelekat kenderaan dan tayangan komersial televisyen serta pelaksanaan pelbagai kajian berkaitan keluarga turut dijalankan.

Shahrizat turut mengu-

mumkan bahawa pihaknya akan membangunkan pakej SMART START yang merupakan bahan rujukan komprehensif meliputi aspek persediaan sebelum berkahwin, pematapan perkahwinan dan keluarga, komunikasi serta pengurusan sumber.

Pakej itu juga katanya, akan turut mencakupi aspek kesihatan, keibubapaan, direktori khidmat sokongan keluarga serta undang-undang berkaitan keluarga.

"Pakej ini pula akan dibekalkan kepada pasangan yang bakal berkahwin

dan yang baru mendirikan rumah tangga," katanya.

Shahrizat memberitahu, pakej itu penting terhadap kehidupan berkeluarga demi memastikan institusi keluarga di negara terus kukuh dan bahagia.